



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Penyakit pekerjaan paling diadukan
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	2 April 2019
Ruang	Setempat
Muka Surat	14

## Penyakit pekerjaan paling diadukan

**Putrajaya:** Masalah pendengaran akibat terdedah dengan bunyi bising melampau di tempat kerja adalah penyakit pekerjaan paling banyak dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan (JKKP).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, terdapat pelbagai penyakit berpunca daripada pekerjaan seperti kesan keracunan akibat terdedah bahan kimia dan penyakit ergonomik berkaitan sendi, tulang dan otot.

“Paling penting ialah pekerja yang mengalaminya perlu melaporkannya termasuk bertemu doktor dan memaklumkan punca dia-

terkena masalah berkenaan supaya pegawai perubatan terbabit tahu ia akibat di tempat kerja.

“Sekiranya majikan tidak melaporkan kepada pihak berwajib, pekerja terbabit perlu melaporkannya supaya mungkin jika ada kecuanian atau kelalaian pihak majikan yang mengakibarkan penyakit itu ditimpa ke atasnya,” katanya pada praleancaran sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesehatan Di Tempat Kerja 2019 di sini, semalam.

Mahfuz merangkap Pengurus Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan

menyerahkan kain rentang kepada wakil agensi, persatuan dan badan bukan kerajaan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk mempromosikan Dasar Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan Negara.

MAHFUZ





KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Masalah pendengaran akibat bunyi bising, penyakit tertinggi
Akhbar	Kosmo
Tarikh	2 April 2019
Ruang	Negara
Muka Surat	4

# Masalah pendengaran akibat bunyi bising, penyakit tertinggi

**PUTRAJAYA** – Masalah pendengaran akibat terdedah kepada bunyi bising keterlaluan di tempat kerja merupakan antara penyakit pekerjaan yang paling tinggi dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar (**gambar**) berkata, masalah kesihatan lain yang sering dihadapi pekerja ialah penyakit ergonomik iaitu berkaitan sendi, tulang dan otot yang menyebabkan sakit pada belakang dan pergelangan tangan.

“Sebab itu kita menekankan tentang kepentingan pekerja atau majikan menjelaskan kepada doktor punca bagaimana masalah itu berlaku bagi mengenal pasti punca penyakit sama ada disebabkan kecuanian berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja atau sebaliknya.



“Dengan pengakuan tersebut, doktor berkenaan boleh membuat laporan kepada pihak berwajib untuk tindakan seterusnya dapat diambil,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis prasambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2019 di sini semalam.

Mahfuz berkata, banyak kesihatan yang disebabkan pekerjaan dipereayai berlaku tetapi tidak dilaporkan dan ia menyukarkan pihak berwajib membuat analisis dan langkah pencegahan berkurang.

Beliau berkata, ia mungkin terjadi disebabkan rendahnya budaya pencegahan dalam kalangan masyarakat dan elemen itu kini diberi tumpuan oleh kementeriannya menerusi Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara. – Bernama



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Bunyi bising tempat kerja punca masalah pendengaran
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	2 April 2019
Ruang	Isu
Muka Surat	8

# Bunyi bising tempat kerja punca masalah pendengaran

**Putrajaya:** Masalah pendengaran akibat terdedah kepada bunyi bising di tempat kerja, antara penyakit paling banyak dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar, berkata selain masalah pendengaran, penyakit lain yang sering dialami disebabkan oleh pekerjaan adalah ergonomik (masalah berkaitan sendi, tulang dan otot) serta keracunan akibat terdedah kepada bahan kimia di tempat kerja.

"Apa yang penting, majikan perlu lapor jika ada sebarang kejadian penyakit akibat pekerjaan yang menimpa pekerja mereka. Kita jangka banyak sebenarnya kes, tetapi tidak dilapor, sekali gus tidak membolehkan analisis dibuat dan langkah pencegahan menjadi kurang.

"Selain itu, di pihak pekerja pula, apabila mengalami penyakit dan ia disebabkan pekerjaan, mereka dinasihatkan melaporkannya.

## Tak banyak laporan

"Beritahu kepada doktor supaya mereka tahu penyakit berpunca daripada pekerjaan anda dan seterusnya doktor boleh melaporkan kepada pihak berwajib supaya kita tahu jika penyakit itu datangnya akibat kecuaian dan kelalaian majikan atau sebaliknya," katanya selepas menghadiri Majlis Prasambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja 2019, di sini, semalam.

Sementara itu, Omar berkata JKKP menjangkakan jumlah penyakit akibat pekerjaan di negara ini adalah tinggi, tetapi laporan yang diterima tidak banyak.

Beliau menjelaskan, jumlah penyakit akibat pekerjaan dilaporkan pada 2016 dan 2017, masing-masing 7,820 kes dan 6,020 kes berbanding kira-kira 40,000 kemalangan di tempat kerja yang dilaporkan.

ISU	Institusi TVET akan disatukan
Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	2 April 2019
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	51

# Institusi TVET akan disatukan

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ SHAH ALAM 1 APRIL

**S**ELURUH institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara ini akan disatukan bagi memastikan graduan dilahirkan menepati kehendak dan diiktiraf pihak industri.

Menyatakan hal ini, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, langkah drastik itu adalah untuk mengelak berlakunya masalah sijil tidak diiktiraf pihak industri seperti yang berlaku ke atas kolej vokasional.

Katanya, apabila disatukan nanti, kolej vokasional, politeknik, kolej komuniti serta rangkaian universiti teknikal lain boleh berkongsi bahan, kepakaran, alat dan hubungan dengan industri.

Beliau juga memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan akan melihat semula semua bidang di universiti sama ada perlu dimansuhkan atau ditambah seiring dengan revolusi in-

dustri 4.0.

"Justeru, kita akan memastikan (pembelajaran atau sijil) menepati standard Agensi Kelehayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) daripada Kementerian Sumber Manusia.

"Ini bagi memastikan pengiktirafan TVET tunggal. Cabinet juga meluluskan supaya setiap institusi TVET melahirkan graduan diiktiraf dan tidak dilambakan di pasaran tanpa diiktiraf oleh industri," katanya dalam menyampaikan ucaptama sempena Konvensyen Kebangkitan Harimau Asia di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini hari ini.

Dalam pada itu, Maszlee memberitahu, penyatuan institusi TVET juga akan memudahkan pihak industri untuk berhubung dengan kementerian, sekali gus memberi pasaran kerja kepada graduan.

"TVET akan menjadi pilihan arus perdana dan bukan lagi alternatif atau kedua selain memastikan graduannya tidak berasa rendah diri atau terpinggir," katanya.




MASZLEE MALIK



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	'Saya hanya penjaga'
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	2 April 2019
Ruang	Setempat
Muka Surat	14



Hasbi Sidek  
am@hmetro.com.my

#### Petaling Jaya

**S**anggup berbohong semata-mata mahu menyelamatkan majikan daripada dikompaun.

Itu tindakan seorang wanita yang tidak mengaku bekerja di sebuah butik pakaian dekat Jalan PJU5/11, Dataran Sunway, Kota Damansara di sini, ketika Op Kesan dijalankan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), semalam.

Dalam operasi bermula jam 11 pagi, wanita terbabit mengaku bekerja pada mulanya dilihat berada dalam butik pakaian berkenaan, namun keluar selepas menyedari kehadiran anggota pengawal kuasa.

Dla menghubungi sesorang dipercayai majikannya sebelum meminta kakitangan Perkeso datang semula kerana majikannya tiada di lokasi.

Ketika disoal siasat, wanita terbabit mengaku hanya membantu menjaga premis berkenaan secara sambilan. Dia turut mendakwa tiada + pekerja lain di butik pakaian itu selain memberi beberapa alasan lain bagi mengukur kan dalaunya bukan pekerja di premis berkenaan.

Selapis hamir

30 minit berada di lokasi, premis dibiar kan kosong, namun ber kunci. Malah, hingga jam 2 petang, tinjauan men dapti tiada pekerja di butik berkenaan.

Bagaimanapun, pemeriksa

**FAKTA**  
257 premis diperiksa dan 21 daripadanya dikompaun kerana tidak daftar pekerja

saan rekod mendapati pemilik butik itu kali terakhir merancumkan pekerjaannya dengan Perkeso adalah pada 2016, sekali gus memimbulkan tanda tanya.

Pengarah Perkeso Selangor, Mustafa Draman berkata, Op Kesan dijalankan bagi mengesan majikan yang gagal mendaftarkan pekerja selain mengesan majikan tidak mematuhi caruman secara berkala.

"Sehingga jam 2 petang (semalam), kami memeriksa

## 30 majikan dikompaun tak daftar pekerja

**Seremban** Sebanyak 30 majikan dikenakan kompaun oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Negeri Sembilan kerana tidak mendaftarkan pekerja di bawah pertubuhan itu.

Perbuatan mereka dikesan menerusi Operasi Pengesahan Majikan (Op Kesan) 2019 di Kawasan Perindustrian

257 premis dan 21 daripadanya dikompaun kerana tidak mendaftarkan pekerja mereka serta tidak mematuhi caruman bulanan.

Nilai 3, dekat sini, semalam.

Pengaruhnya, M Nallusamy berkata, operasi diadakan selepas tempoh permutihan dengan membuka peluang kepada majikan yang layak dan belum berdaftar berbantuan demikian secara sukarela berakhir Mac lalu.

Katanya, 77 pegawai dan anggota termasuk Pejabat Ahli Mesyuarat Ke-

"Kesalahan dilakukan mendakwa diikut Seksyen 4 dan 5 Akta Perkeso 1969. Mereka diberikan notis untuk mendaftarkan pekerja dan melangsa-

kan tunggal dalam masa 14 hari. Sekiranya gagal bakal berdepan hukuman penjara sehingga dua tahun serta denda sehingga RM10,000."

katanya di lokasi Op Kesan, semalam.

Operasi turut disertai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



ANGGOTA pengawal kuasa Perkeso menjalankan pemeriksaan premis di sekitar Dataran Sunway dalam Op Kesan.

rajan Negeri serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terbabit dalam operasi hormula jam 10 pagi.

"Sepanjang operasi, 154 majikan dilawati dan 65 daripadanya mematuhi Akta Keselamatan Sosial 1969 serta Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017," katanya dalam suru kenyataan.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Pendapatan minimum RM2,000 bagi graduan di Lembah Klang
Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	2 April 2019
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	12

# Pendapatan minimum RM2,000 bagi graduan di Lembah Klang

**KUALA LUMPUR 1 April** - Pendapatan minimum RM2,000 merupakan jumlah yang wajar diterima dalam kalangan graduan ijazah sarjana muda apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan di ibu negara khususnya Lembah Klang.

Jumlah itu disifatkan wajar selepas mengambil kira kos sara hidup pada hari ini merangkumi perbelanjaan asas lain seperti tempat tinggal serta pengangkutan.

Menurut Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM), Datin Fauziah Ramly, adalah tidak adil bagi graduan menerima pendapatan yang tidak kompetitif berbanding kepakaran dimiliki.

Beliau berkata, majikan perlu bersikap lebih serius dalam menentukan pendapatan pekerja mereka dengan mengambil kira kedudukan kos sara hidup se-

masa.

"Paling minimum RM2,000 yang memadai untuk sewa bilik di Kuala Lumpur sekurang-kurangnya RM400 sebulan, bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan kos pengangkutan.

"Selain itu graduan juga perlu bijak menangani peningkatan kos sara hidup supaya pendapatan yang diperolehi cukup untuk perbelanjaan keperluan dan simpanan untuk kegunaan ketika kecemasan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) 2018 turut memberitahu, pasaran kerja terjejas sejak 2010 apabila banyak syarikat terpaksa mengecilkan operasi bagi memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

Dalam pada itu, Naib Pengurus Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Wilayah Persekutuan, **Dzulkarnain Roslan** memberitahu, atas gaji pada hari ini wajar dikaji semula supaya bersesuaian dengan situasi semasa.

"Kajian gaji siswazah yang rendah harus dipercepatkan agar lambakan graduan yang bakal menghabiskan pelajaran selepas ini tidak terpinggir dan mendapat gaji yang sepatutnya," ujarnya.

Semalam Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail melaporkan kerajaan akan mengkaji semula gaji siswazah baharu ekoran penurunan pendapatan mereka pada tahun lalu berbanding 2010 menerusi Laporan Tahunan BNM 2018, diploma RM1,458 kepada RM1,376, ijazah sarjana muda RM1,993 kepada RM1,983.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	'Pay undergrads what they deserve'
Akhbar	The Sun
Tarikh	2 April 2019
Ruang	News Without Borders
Muka Surat	6

## 'Pay undergrads what they deserve'

**PETALING JAYA:** Paying fresh graduates lower than what they deserve may lead to a brain-drain that would impact the nation's economy, said Asli Centre of Public Policy Studies chairman and economist, Tan Sri Ramon Navaratnam.

He was commenting on the

ongoing debate between the Malaysian Employers Federation and Bank Negara Malaysia on a proper salary scheme for graduates.

"Graduates need to be paid a living wage, not just a minimum wage. Incentives for competition and meritocracy is a good way forward.

Wages must rise to reflect higher standards of living as well as cost of living," he said.

"Employers should also discuss with their staff the company's ability to pay higher wages for mutual satisfaction or be prepared to lose graduates to countries like Singapore."